

Tiada konsep kelas di kalangan pekerja — PM

KUALA LUMPUR 30 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, konsep kelas dalam kehidupan masyarakat sudah tidak lagi diamalkan berikutan runtuhnya ideologi komunis dan sosialis serta meningkatnya tumpuan dunia terhadap pembangunan ekonomi melalui sistem pasaran bebas.

Akibatnya penganut fahaman komunisme dan sosialisme sendiri mengakui bahawa sistem amalan mereka gagal mewujudkan "syurga pekerja" seperti yang dijanjikan.

Menurut beliau, dengan tertewasnya ideologi-ideologi ini, konsep yang

berdasarkan kelas sudah tidak bermakna lagi.

Beliau berkata demikian dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Pekerja hari ini.

Menurut Dr. Mahathir lagi, akibat langsung dari kegagalan sistem kelas ini ialah pekerja tidak lagi kekal sebagai pekerja turun-temurun. Sebaliknya mereka boleh memasuki golongan yang berpendapatan sederhana bahkan boleh juga menjadi pemodal dalam perusahaan-perusahaan gergasi.

Pelajaran, peluang-peluang perniagaan dan kemudahan pinjaman yang terbuka pada semua telah menjadikan

semua pihak lebih "*mobile*" iaitu lebih mudah berlaku berpindah dari satu "kelas" ke "kelas" yang lain

Dalam keadaan yang lebih demokratik dan adil ini, akan berlaku mobiliti pekerja, ini termasuk yang melibatkan anak-anak mereka.

"Anak kepada pekerja dalam sistem ekonomi bebas, boleh menjadi ahli profesional, pengurus syarikat atau pemodal," kata beliau.

Dalam keadaan ini tidak harus ada konfrontasi berkekalan antara pekerja dengan pihak-pihak yang lain.